

## FUNGSI TUGAS UNIT INTEGRITI

Penubuhan Unit Integriti ini merupakan usaha kawalan dalaman oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia untuk menguruskan integriti dalam organisasi. Unit ini bertanggungjawab untuk melaksanakan **enam (6) fungsi teras seperti berikut:**

### 1. Tadbir Urus

Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan

### 2. Pengukuhkan Integriti

Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi

### 3. Pengesahan dan Pengesahan

Mengesah dan mengesahkan aduan salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil; dan melaporkan salahlaku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab

### 4. Pengurusan Aduan

Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi

### 5. Pematuhan

Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa; dan

### 6. Tatatertib

Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib

## PANDUAN MEMBERI MAKLUMAT

❖ Sila pastikan aduan atau maklumat itu tidak terlalu umum untuk membolehkan pihak Unit Integriti LKIM bertindak sewajarnya. Kumpulkan maklumat diperolehi dan sampaikan isi penting seperti:

- ✓ **BILA?** Bila kejadian berlaku
- ✓ **DI MANA?** Di mana kesalahan dilakukan
- ✓ **SIAPA?** Siapa yang terlibat dan saksi yang boleh membantu
- ✓ **APA?** Apa kesalahan yang dilakukan
- ✓ **BAGAIMANA?** Bagaimana transaksi rasuah atau pelanggaran tatakelakuan tersebut dilakukan

❖ Sila sertakan nama dan maklumat perhubungan anda. Unit Integriti boleh menerima aduan atau maklumat daripada pemberi maklumat yang tidak dikenali, tetapi adalah lebih baik sekiranya kami dapat menghubungi semula anda bagi membantu kami bertindak dengan cepat dan lancar. Unit Integriti tidak dapat bertindak ke atas maklumat tidak lengkap atau terlalu umum dan tiada maklumat perhubungan untuk mendapatkan maklumat lanjut.

## BAGAIMANA UNTUK MENYALURKAN ADUAN?

Sebarang aduan rasuah dan pelanggaran tatakelakuan pegawai-pegawai dan kakitangan LKIM boleh disalurkan melalui:

**UNIT INTEGRITI  
ARAS 2, WISMA LKIM,  
JALAN DESARIA, PULAU MERANTI  
47120 PUCHONG, SELANGOR**



Portal rasmi [www.lkim.gov.my](http://www.lkim.gov.my)



[unitintegriti@lkim.gov.my](mailto:unitintegriti@lkim.gov.my)



**03-8064 9080/9081/9088/9166**